

Newspaper

Date

Berita Harian

21 February 2016

40 TAHUN MENABUR BAKTI KEPADA RAKYAT

Tiga prinsip utama politik Najib

BH-21/2/2016



Najib bersama Ahmad Zahid membaca surah yasin sempena majlis kesyukuran 40 Tahun Najib Razak Dalam Politik di PWTC, malam tadi. (FOTO KHAIROULL AZRY BIDIN/BH)

» **Perbanyakkan kawan, tidak jatuhkan sesiapa serta tak beli undi tunjang hidup PM**

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak berkata, beliau sentiasa berpegang kepada tiga prinsip utama dalam hidupnya yang juga menjadi tunjang sepanjang

40 tahun pembabitan dalam politik.

Perdana Menteri berkata, tiga prinsip itu ialah memperbanyakkan kawan berbanding musuh, tidak menjatuhkan sesiapa dalam politik dan tidak pernah membeli undi untuk menang jawatan dalam parti.

Hargai persahabatan

Berucap demikian pada majlis kesyukuran pembabitan 40 tahun beliau dalam politik di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini malam tadi, Najib yang juga Presiden UMNO dan Pengerusi Barisan Nasional (BN), berkata beliau juga amat menghargai persahabatan dan kesetiaan.

"Dalam dewan inilah, sebahagian daripada kawan-kawan yang

setia dengan saya selama ini. Sebab itulah persahabatan kita kekal sampai hari ini, sahabat dan kesetiaan, kesetiaan inilah amat saya hargai," katanya di hadapan kira-kira 2,000 tetamu dari kalangan pemimpin kerajaan, parti, veteran parti dan orang awam.

Terdahulu, Najib yang berbaju Melayu kuning keemasan dan berkain pelikat hadir bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor bagi menyertai solat Maghrib berjemaah yang diimamkan Imam Makkah, Sheikh Mohd Idris Mohd Al-Mashrafi, diikuti tahlil, doa kesyukuran dan bacaan Yasin serta solat isyak.

Yang hadir sama ke majlis anjuran Kelab Sahabat Najib Razak atau N87 itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ah-

mad Zahid Hamidi; Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa; Ketua Wanita, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Tidak akan rosakkan parti

Perdana Menteri berkata, beliau tidak pernah cuba menjatuhkan sesiapa dalam kerjaya politiknya apabila hanya bertanding satu-satu jawatan apabila ada kekosongan di peringkat nasional.

"Saya tidak pernah beli undi dalam parti. Pada pertandingan (pemilihan kepemimpinan UMNO) tahun 1993, ada orang tabur (duit). Malam itu, Allahyarham Tan Sri JJ (Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis) kata, ini

sedang berlaku.

"Jawapan saya, Allahyarham Tun Razak (Tun Abdul Razak Hussein) membina parti UMNO, saya tidak akan jadi anak yang merosakkan parti. Apa nak jadi, jadilah," katanya.

Beliau juga percaya tidak ada kerjaya yang boleh menandingi profesion sebagai ahli politik yang mampu mengubah masa depan agama, bangsa dan tanah air.

Katanya, walaupun ramai pihak mempersoalkan kemampuannya ketika mahu menceburi kerjaya itu kerana usia muda, beliau tetap meneruskan hasratnya bagi menggantikan Allahyarham bapanya kerana mahu berjuang dan menyumbang bakti kepada agama, bangsa dan negara.

“

Allahyarham Tun Razak (Tun Abdul Razak Hussein) membina parti UMNO, saya tidak akan jadi anak yang merosakkan parti. Apa nak jadi, jadilah”

Najib Razak,
Perdana Menteri